



**PENGURUSAN
PERTUBUHAN BELIA DI
BAWAH AKTA
PERTUBUHAN BELIA DAN
PEMBANGUNAN BELIA 2007**

SENARIO PERTUBUHAN BELIA HARI INI

- Terdapat 11.1 juta orang belia atau 41.5 % daripada jumlah penduduk negara
- Terdapat 8,859 pertubuhan belia berdaftar dan 2,554 pertubuhan belia yang aktif (*statistik ROS, 2007*).
- Dianggarkan terdapat 3 juta orang belia yang menyertai pertubuhan belia

LATARBELAKANG AKTA

- Dipersetujui oleh Jemaah Menteri melalui Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 November 2006
- Bacaan Kali Pertama di Dewan Rakyat pada 12 Disember 2006
- Bacaan Kali Kedua di Dewan Rakyat pada 7 Mei 2007 dan diluluskan pada 8 Mei 2007

- Bacaan Kali Kedua dan diluluskan di Dewan Negara pada 23 Mei 2007
- Ditandatangani perkenan oleh Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong pada 18 Julai 2007
- Disiarkan dalam Warta Kerajaan pada 26 Julai 2007
- Akan mula dikuat kuasa pada 31 Disember 2007

KANDUNGAN AKTA

- Bhg I** – **Tajuk, Mula Kuatkuasa dan Tafsiran**
(Seksyen 1 - 2)

- Bhg II** – **Pentadbiran Akta** *(Seksyen 3 - 6)*

- Bhg III** – **Pertubuhan Belia** *(Seksyen 7 - 33)*
 - Bab 1 – Pendaftaran**
 - Bab 2 – Peruntukan yang terpakai bagi pertubuhan belia berdaftar**
 - Bab 3 – Pertikaian dan Panel Penyelesaian Pertikaian**
 - Bab 4 – Rayuan**
 - Bab 5 – Peruntukan Am**

Bhg IV

- **Pembangunan Belia**
(Seksyen 34)

Bhg V

- **Majlis Perundingan Belia Negara**
(Seksyen 35 – 48)

Bhg VI

- **Badan Induk Pertubuhan Belia Di
Peringkat Kebangsaan**
(Seksyen 49 – 54)

Bab 1 – Am

**Bab 2 – Bantuan dan penguntukan
kewangan**

- Bhg VII** - **Institut Penyelidikan
Pembangunan Belia Malaysia
(Seksyen 55 – 79)**
- Bhg VIII** - **Kesalahan (Seksyen 80 –101)**
- Bhg IX** - **Penguatkuasaan dan Penyiasatan
(Seksyen 102 - 112)**
- Bhg X** - **Pelbagai (Seksyen 113 - 125)**

TUJUAN AKTA

- ✓ **Mendaftar pertubuhan belia**
- ✓ **Menggalak dan memudahkan pembangunan belia**
- ✓ **Menubuhkan Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN)**
- ✓ **Menubuhkan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM)**
- ✓ **Mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya**

Tafsiran "Belia"

Seseorang yang berumur tidak kurang daripada 15 tahun dan tidak melebihi 40 tahun

Tafsiran "Pertubuhan Belia"

"Pertubuhan Belia" ertinya mana-mana pertubuhan yang mempunyai ciri-ciri berikut :

- mempunyai nama yang mengandungi perkataan "belia" atau suatu perkataan yang mempunyai pengertian yang seumpama atau sama dengan belia;
- kesemua anggotanya hendaklah berumur tidak kurang daripada 15 tahun dan tidak melebihi 40 tahun atau mana-mana gabungan atau kumpulan pertubuhan yang keanggotaannya hendaklah berumur tidak kurang daripada 15 tahun dan tidak melebihi 40 tahun; dan
- mempunyai objektif untuk menjalankan aktiviti-aktiviti belia

Tafsiran "Pemegang Jawatan"

Mana-mana orang yang menjadi Presiden atau Naib Presiden, atau Setiausaha atau Bendahari sesuatu pertubuhan atau mana-mana cawangan pertubuhan, atau yang menjadi anggota jawatankuasa atau badan pengelola pertubuhannya, atau mana-mana cawangannya atau yang memegang apa-apa jawatan atau kedudukan dalam pertubuhan itu atau cawangan sesuatu pertubuhan yang sama dengan mana-mana yang tersebut di atas;

Tafsiran “Badan Induk Pertubuhan Belia Di peringkat Kebangsaan ”

Suatu pertubuhan belia yang didaftarkan di bawah Akta ini dan diiktiraf sebagai badan induk pertubuhan belia diperingkat kebangsaan di bawah seksyen 49.

KESAN LANGSUNG AKTA KE ATAS PERTUBUHAN BELIA

1

Tiap - tiap pertubuhan belia hendaklah memohon untuk pendaftaran di bawah Akta ini kecuali mana - mana pertubuhan yang ditubuhkan di bawah mana-mana Akta yang ditetapkan di bawah Jadual Pertama; dan mana-mana sayap belia kepada apa-apa pertubuhan selain pertubuhan belia.

Seksyen 7(1) dan 7(2)

KESAN LANGSUNG AKTA KE ATAS PERTUBUHAN BELIA

2

Tiap-tiap pertubuhan belia yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] hendaklah, dalam masa dua belas bulan dari tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini atau apa-apa tempoh yang dipersetujui oleh Menteri, memohon kepada Pendaftar supaya didaftarkan di bawah Akta ini dan sehingga Pendaftar meluluskan pendaftarannya, Akta Pertubuhan 1966 hendaklah terus terpakai baginya.

Seksyen 7(3) dan 7(4)

KESAN LANGSUNG AKTA KE ATAS PERTUBUHAN BELIA

3

Mana-mana anggota yang dilantik atau dipilih sebagai ketua dalam mana-mana pertubuhan belia di peringkat kebangsaan hendaklah memegang jawatan untuk suatu tempoh tidak melebihi enam tahun secara berterusan.

Seksyen 12

KESAN LANGSUNG AKTA KE ATAS PERTUBUHAN BELIA

4

Mana-mana orang yang, sebaik sebelum mula berkuat kuasanya seksyen ini, merupakan pemegang jawatan, penasihat, atau pekerja suatu pertubuhan belia berdaftar boleh, meneruskan jawatan yang berkenaan sehingga tamat tempoh semasa jawatannya atau pelantikan atau penamatan kontrak perkhidmatannya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Seksyen 13(9)

KESAN LANGSUNG AKTA KE ATAS PERTUBUHAN BELIA

5

Apa-apa pertikaian yang tidak dapat diselesaikan dalam mana-mana pertubuhan belia boleh dirujuk kepada Pendaftar untuk keputusannya dan mana-mana pihak kepada pertikaian yang terkilan dengan keputusan yang dibuat oleh Pendaftar boleh merayu kepada Panel Penyelesaian Pertikaian dan seterusnya kepada Menteri.

Seksyen 28(1), 28(2) dan 30(1)

KESAN LANGSUNG AKTA KE ATAS PERTUBUHAN BELIA

6

Majlis Belia Malaysia ialah badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan yang menggabungkan dan menyelaraskan semua pertubuhan belia yang bergabung dengannya.

Seksyen 49(1)

KESAN LANGSUNG AKTA KE ATAS PERTUBUHAN BELIA

Fungsi badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan ialah—

- (a) untuk menyalurkan suara belia kepada kerajaan;
- (b) untuk bekerjasama dengan kerajaan dalam menjalankan program dan aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan belia daripada aspek pendidikan, penyelidikan dan pembangunan sumber manusia; dan
- (c) untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain di bawah Akta ini.

7

KESAN LANGSUNG AKTA KE ATAS PERTUBUHAN BELIA

8

Badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan boleh memohon kepada Menteri bagi penguntukan kewangan dan bantuan bagi maksud menjalankan fungsinya di bawah seksyen 50.

Seksyen

52(1)

KESAN LANGSUNG AKTA KE ATAS PERTUBUHAN BELIA

9

Pemegang jawatan dalam pertubuhan belia yang telah mencapai empat puluh tahun atau telah melebihi umur empat puluh tahun sebelum tarikh kuat kuasa Akta ini, hendaklah dibenarkan terus memegang jawatannya sehingga tamat tempohnya.

Seksyen 124(4)

PENUTUP

Akta perlu dilihat sebagai pemangkin kepada usaha untuk memperkasa pertubuhan belia dan memartabatkan agenda pembangunan belia negara.